

Ramadan tingkat sifat prihatin, bentuk kekuatan diri Muslim

PM minta umat Islam lebih peka, usah lupakan golongan tidak bernasib baik

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ramadan berupaya mengangkat dimensi sosial dan kemanusiaan dengan pemupukan perasaan prihatin terhadap golongan yang tidak bernasib baik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pada masa sama umat Islam dididik

pada Ramadan sebagai madrasah tarbiah ruhiyah di mana setiap insan dididik, diuji dan dimurnikan selain menjadi tonggak penting dalam membina serta membentuk kekuatan dalaman umat.

“Sewaktu kita mempunyai kesempatan beribadah, ada saudara kita yang masih berlindung di bawah runtunan batu dan terus menjadi mangsa peluru tidak bermata.

“Sementalahan, falsafah tertinggi Ramadan menuntut setiap jiwa kaum Muslimin untuk melihat melampaui zahir serta menyelami roh dan batin,” katanya dalam mesej sempena Ramadan semalam.

Beliau berkata, puasa tidak sekadar menahan nafsu lapar dan dahaga, tetapi apa yang utama adalah menunduk keangku-

han, menyanggah kezaliman dan penindasan serta meredam ketamakan.

“Ia adalah latihan ketundukan, tidak hanya kepada syariat Allah SWT tetapi kepada hakikat bahawa kita makhluk yang lemah dan Tuhan itu Maha Segala,” katanya.

Justeru, katanya, Ramadan sewajarnya menyucikan hati daripada kebencian dan membersihkan akal agar terbentuk insan yang lebih adil, lebih kuat ihsannya, lebih dekat kepada Tuhan serta sesama insan.

Perdana Menteri juga meminta semua pihak menjauhi pembaziran dan berusaha untuk kembali kepada Allah.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pula mengajak umat Islam memperba-

nyakkan amal soleh, memperkukuh nilai kasih sayang sesama insan, serta mempererat ukhuwah.

“Semoga Ramadan kali ini menjadi medan untuk kita memperbanyakkan amal soleh, memperkukuh nilai kasih sayang sesama insan, serta mempererat ukhuwah dalam membina masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera,” katanya dalam mesej Ramadan.

Kurangkan pembaziran

Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadillah Yusof pula menyeru umat Islam memperbanyakkan amal ibadat selain mengurangkan pembaziran makanan sepanjang Ramadan.

Beliau berkata, jumlah sisa makanan sentiasa dilaporkan meningkatkan secara drastik

ketika Ramadan.

“Pembaziran bukan sahaja berdosa, malah bertentangan dengan prinsip kelestarian alam dan ketidakseimbangan sosial.

“Misalnya, masih ramai yang berhadapan dengan kelaparan dan kekurangan zat ekoran ketidakseimbangan agihan sumber.

“Pembaziran akan mencatitkan keberkatan bulan Ramadan. Apa yang dibazirkan itu mempunyai bahagian untuk orang lain yang boleh diinfakkan dan dimanfaatkan bagi memperolehi ganjaran pahala,” katanya.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata, Ramadan seharusnya menjadi bulan yang menggalakkan kesederhanaan.